

SIARAN MEDIA

SIARAN SERTA MERTA

20 Mac 2015

BANTUAN PEMULIHAN DATA KEPADA MANGSA BANJIR DI KELANTAN MENDAPAT PERHATIAN UMUM

“Ops Jelajah Cyber” beri khidmat membaikpulih data dan maklumat yang musnah atau rosak akibat bencana banjir

SERI KEMBANGAN (20 MAC 2015): Program **Ops Jelajah Cyber** yang diadakan di Negeri Kelantan bermula dari 13 Mac hingga 18 Mac 2015 telah mendapat sambutan yang memuaskan dari penduduk di beberapa Jajahan di Negeri Kelantan, terutama mereka yang menjadi mangsa bencana banjir yang melanda Pantai Timur Semenanjung Malaysia akhir tahun 2014.

Ops Jelajah Cyber merupakan satu siri penjelajahan (road tour) yang diadakan khusus bagi merealisasi hasrat membantu mangsa banjir di jajahan serta daerah yang terjejas akibat bencana banjir. Bantuan berupa perkhidmatan pemulihan data membolehkan mangsa bencana banjir mendapatkan semula maklumat (data atau imej) yang disimpan di dalam gajet ICT seperti komputer riba, CPU, external hard disc, cakera keras serta kad memori yang telah musnah atau rosak akibat bencana banjir.

Ia merupakan satu inisiatif di bawah program Tanggungjawab Sosial Korporat (CSR) CyberSecurity Malaysia - pusat pakar teknikal keselamatan siber Nasional, dengan kerjasama Kementerian Sains Teknologi dan Inovasi (MOSTI) dan disokong oleh Kerajaan Negeri yang terlibat. Konvoi **Ops Jelajah Cyber** telah berkunjung ke empat (4) Jajahan di Negeri Kelantan iaitu di Kota Bharu, Tanah Merah, Kuala Krai dan Gua Musang.

Menurut YB. Datuk Dr. Ewon Ebin, Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, **Ops Jelajah Cyber** dibahagikan kepada Tiga (3) Zon, iaitu Zon 1 di Negeri Kelantan, Zon 2 di Negeri Pahang, manakala Zon 3 di Negeri Terengganu.



Securing Our Cyberspace



CyberSecurity Malaysia
(726630-U)



MS ISO/IEC 17025
TESTING
S/NM NO. 456
(WATER LABORATORY)



T +603 8992 6888
F +603 8992 6841
H 1 300 88 2999

Corporate Office:
Level 5, Sapura@Mines
No 7, Jalan Tasik
The Mines Resort City
43300 Seri Kembangan
Selangor Darul Ehsan
Malaysia.
www.cybersecurity.my

“Bagi Zon 1 di Negeri Kelantan, kami telah menerima sebanyak 60 kes berkaitan kemusnahan data serta gajet ICT. Dari jumlah tersebut, sebanyak 58 kes telah dapat dibantu dan diselesaikan, manakala selebihnya kini dalam proses baik pulih.”

“Selain membantu mangsa banjir mendapatkan kembali maklumat yang musnah, kami turut mengadakan khidmat runding cara mengenai penyaringan data, berkongsi maklumat mengenai amalan terbaik pengurusan data serta membuat penerangan mengenai jenis-jenis insiden dan ancaman keselamatan siber serta cara pelaporan dan pengendalian insiden keselamatan siber melalui pusat bantuan Cyber999.” ujar Datuk Dr. Ewon lagi.

Ops Jelajah Cyber akan berkunjung ke Negeri Pahang seperti berikut:-

ZON 2 - NEGERI PAHANG

Daerah	Tarikh Program	Masa	Lokasi Program
Pekan	24 & 25 Mac 2015 (Selasa & Rabu)	8.30 pagi – 5.00 ptg	Pejabat Daerah & Tanah, Pekan
Temerloh	26 & 27 Mac 2015 (Khamis & Jumaat)	8.30 pagi – 5.00 ptg	Pejabat Daerah & Tanah, Temerloh
Kuala Lipis	28 Mac 2015 (Sabtu)	8.30 pagi – 5.00 ptg	Pejabat Daerah & Tanah, Kuala Lipis

Bagi memastikan perkhidmatan pemulihan data berjalan lancar dan bantuan dapat diberikan kepada mangsa banjir serta organisasi dan jabatan-jabatan kerajaan secara lebih efektif dan berkesan, pakar-pakar pemulihan data dan keselamatan siber dari Myung Information Technology (Myung IT), sebuah syarikat berpengkalan di Korea yang juga rakan kerjasama CyberSecurity Malaysia akan turut serta di Zon 2 (Pahang) dan Zon 3 (Terengganu). Selain Myung, rakan kerjasama CyberSecurity Malaysia yang lain seperti Huawei turut mengambil bahagian dengan menyediakan USB thumbdrive untuk menyimpan data/maklumat yang dapat dibaik pulih.

Sementara itu, menurut Dr. Amirudin Abdul Wahab, Ketua Pegawai Eksekutif CyberSecurity Malaysia, “Penglibatan beberapa rakan kerjasama CyberSecurity Malaysia dalam program **Ops Jelajah Cyber** dianggap sebagai satu pengiktifaran dari organisasi antarabangsa tersebut terhadap usaha murni membantu mangsa-mangsa bencana banjir. Orang ramai

juga tidak perlu bimbang mengenai kebocoran data atau maklumat tersebut kerana proses pemulihan data yang dijalankan adalah berdasarkan prosidur dan amalan terbaik keselamatan siber. Segala kerahsiaan maklumat serta data yang dibaikpulih dijamin terpelihara.”

Ops Jelajah Cyber mendapat sokongan Kerajaan Negeri Kelantan, Pahang dan Terengganu serta beberapa organisasi dalam industri keselamatan siber antaranya, Myung Inovasi Terkini Sdn Bhd, Huawei, Prisma Khas Sdn Bhd, , WS Mentari Sdn Bhd dan Trends Integrated.

~ Tamat ~

CyberSecurity Malaysia, agensi di bawah naungan Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) adalah bertanggungjawab memastikan keselamatan dan pertahanan ruang siber negara.

Untuk maklumat lanjut, sila layari laman web kami di <http://www.cybersecurity.my> atau telefon +603-89926888.

Untuk Perhubungan Media, sila hubungi Mohd Shamil Mohd Yusoff (ext: 6978) atau Sandra Isnaji (ext: 6977). Sila e-mel pertanyaan media ke: media@cybersecurity.my.